

'Ratah' tubuh 4 anak

Rahsia hitam terbongkar selepas
adik bongsu turut menjadi mangsa

H.M. 27/12/2016 M/S 22

KUALA TERENGGANU: Rahsia hitam dipendam tiga beradik akibat menjadi mangsa rogol dan cabul bapa sendiri sejak sekian lama akhirnya terbongkar selepas adik bongsu mereka turut menjadi mangsa 'haruan makan anak'.

Kejadian bermula selepas mangsa terbaru berusia 15 tahun itu tersedar daripada tidur selepas terasa badannya ditindih sebelum melihat bapanya mencangkung atas badan menyebabkan mangsa menjerit.

Jeritan itu menyebabkan lelaki berkenaan melarikan diri manakala mangsa yang terkejut bingkas ke bilik air sebelum terasa pedih pada kemaluannya ketika membuang air kecil di rumah mereka di Kampung Raja, dekat Besut.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah negeri, Asisten Komisioner Mohd Fauzi Abduri berkata, kejadian dikatakan berlaku penghujung April atau awal Mei lalu menyebabkan mangsa memaklumkan kepada ibunya.

Bagaimanapun, beliau berkata, ibu mangsa yang cuba mendapatkan penjelasan daripada suaminya mendakwa turut diugut dan dimarahi supaya tidak menghebohkan kejadian itu atau dicerderakan menyebabkan wanita itu terpaksa berdiam diri.

Menurutnya, selepas berjaya menakutkan isterinya, lelaki berkenaan menjadi semakin berani apabila sering mencabul anak perempuannya itu setiap kali berada di rumah menyebabkan mangsa tidak tahan diperlakukan demikian.

"Berikutan itu, mangsa mengadu kepada tiga kakaknya berusia 21, 23 dan 27 tahun, namun terkejut apabila mendapat tahu dua daripada kakaknya itu turut menjadi mangsa 'haruan makan anak' manakala seorang lagi sering dicabul," katanya.

Berikutan itu, mangsa mengadu kepada tiga kakaknya berusia 21, 23 dan 27 tahun, namun terkejut bila mendapat tahu dua daripada kakaknya turut menjadi mangsa 'haruan makan anak' manakala seorang lagi sering dicabul.

Katanya, sebaik mendengar cerita kakaknya, mangsa nekad membuat laporan di Balai Polis Kampung Raja, kira-kira jam 3.30 petang, Sabtu lalu.

Beliau berkata, kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksan kerana kesalahan merogol.

Menurutnya, setakat ini, polis sudah memanggil ketiga-tiga kakak mangsa untuk memberi keterangan bagi membantu siasatan manakala suspek yang bekerja sendiri menghilangkan diri.

Harian Metro difahamkan, seorang daripada anak suspek yang kini berusia 21 tahun dikatakan sering menjadi mangsa cabul lelaki berkenaan sejak berusia 14 tahun dan kejadian itu berlaku tiga hingga empat kali sebulan.

Selain itu, lelaki berhati haiwan itu juga sanggup memperkosa anaknya yang kini berusia 23 tahun sejak gadis berkenaan berusia tujuh tahun dan kejadian itu berlarutan hingga mangsa berusia 19 tahun.

Difahamkan, mangsa dirogol sekali atau dua kali sebulan dan suspek sudah meratah badan anaknya itu lebih 20 kali sepanjang 12 tahun hingga mangsa mendirikan rumah tangga pada 2005.

Selain itu, anak tiri mangsa yang kini berusia 27 tahun turut mengalami nasib sama apabila menjadi mangsa rogol sejak berusia 13 hingga 15 tahun. Malah, wanita itu juga dikatakan sering dipukul tanpa sebab dan diperkosa dua hingga tiga kali sebulan sepanjang tempoh itu.